

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 FEBRUARY 2017

7 lagi NGO buat laporan polis terhadap Dr Mahathir

BH-5/2/2017

Muar: Tujuh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di daerah ini membuat laporan polis terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad yang mendakwa Johor menyerahkan tanah kepada warga China.

NGO berkenaan ialah Persatuan Kebajikan Kampung Kenangan Tun Dr Ismail Bakri; Persatuan Belia Pesta; Persatuan Ketua Kampung Negeri Johor; Persatuan Belia 4B Daerah Muar; Yayasan Kanser Malaysia (YKM) Johor; Persatuan Kebajikan dan Pendidikan Gemilang Sungai Abong serta Persatuan Sri Maha Ka-



Bantahan NGO

→ 12 NGO
membuat laporan
polis terhadap
Dr Mahathir



Wakil NGO merentang sepanduk selepas membuat laporan polis sebagai protes terhadap kenyataan Tun Mahathir mengenai Forest City.

liamman Muar.

Laporan itu dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar di sini.

Bantahan terhadap Dr M

Pengerusi Penyelaras Majlis Gabungan NGO Melayu (GABUNG) Daerah Muar, Abd Shukor Abd Rahman, berkata laporan itu sebagai bantahan terhadap Dr Mahathir yang dilihat cuba memainkan politik ketakutan dan perkauman di negeri ini.

"Dr Mahathir jangan memutar belit terhadap pelaburan China di Johor. Jika perkara ini tidak diperbe-

tulkan, ia boleh menyebabkan pelabur asing tidak mahu melabur di negara kita.

"Kami membidas sekeras-kerasnya sikap Dr Mahathir yang oportunist mengenai pelaburan dari negara China di kawasan Forest City," katanya pada sidang media di pekarangan IPD Muar di sini, semalam.

Abd Shukor berkata, kenyataan Dr Mahathir itu adalah cubaan untuk memainkan politik ketakutan dan perkauman dalam usaha untuk menghalang pelaburan dari China ke Johor.

Abd Shukor berkata, projek pembangunan di Forest City bukan hanya untuk pelabur dari China, sebaliknya sesiapa saja boleh membuat pelaburan di kawasan berkenaan.

Kelmarin, lima NGO membuat laporan berhubung isu berkenaan. NGO berkenaan ialah Persatuan Peniaga Bazar Johor Bahru; Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Industri Kecil Sederhana Johor Bahru; Gabungan Peniaga dan Penjaja Melayu Malaysia Johor; Kelab Permotoran Generasi Baru serta Gerakan Belia 4B Kulai.